

**Kebersamaan Islam Harus Diperkukuh Untuk Perbaharui Semangat Perpaduan -  
Najib  
Bernama  
4 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Kebersamaan umat Islam harus diperkukuh melalui pandangan dunia terhadap Islam untuk memperbaharui semangat perpaduan dan ikatan komuniti dalam kalangan ummah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata ini merupakan antara perkara penting yang harus diambil kira jika masyarakat Islam mahu memainkan peranan yang lebih luas dan aktif dalam ASEAN.

Katanya, perkara penting lain ialah keperluan untuk menghormati prinsip kepelbagaian dan mewujudkan keadilan sosial berdasarkan prinsip keagamaan universal yang abadi.

"Harus diakui bahawa tiga perkara penting ini harus dilaksanakan dalam kerangka bersepadu Islam yang menggalakkan penghargaan sepatutnya terhadap Islam sebagai satu kuasa bagi kemanusiaan, kemajuan dan pembangunan," kata Najib.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan perasmian pada Simposium Antarabangsa Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengenai 'Islam dan Era Baharu Negara-negara Asean: Perpaduan Daripada Pandangan Dunia Ke arah Kemakmuran Bersama' di ibu negara, Selasa.

Hadir sama di majlis itu bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi IKIM.

Persidangan dua hari itu adalah untuk mengenal pasti asas kerjasama menerusi kaca mata dunia Islam dan untuk mencari inisiatif sesuai dalam mendepani krisis tamadun dan sosio ekonomi masa kini.

Najib berkata Islam adalah kepercayaan global yang mengikat orang Arab, Parsi, Mesir, Berber, Turki, Eropah, Afrika, Indo-Pakistan, Kaukasia, Cina dan Melayu-Indonesia menerusi ikatan bersama.

"Oleh kerana kini hampir 220 juta umat Islam ASEAN yang merupakan kira-kira 40 peratus populasi ASEAN, yang perlu memperbaharui kefahaman mengenai Islam.

"Kita perlu memberi penekanan kepada warisan bersama dan mengetepikan sebarang perbezaan taifah yang boleh membawa kepada perpecahan dan konflik. Kita perlu mengutamakan pelaburan kita dalam pendidikan dan kemahiran," katanya.

Untuk menghormati prinsip-prinsip perbezaan, beliau berkata perbezaan daripada aspek tradisi agama, kebudayaan, bahasa dan warna kulit perlu diberi penilaian sewajarnya.

Najib berkata asas perpaduan harus kekal tidak berubah manakala agama menawarkan kuasa luarbiasa bagi transformasi untuk mencapai kegembiraan dan kesejahteraan.

"Menerusi agama, kita mampu mengatasi perkara-perkara remeh untuk bangkit ke tahap baharu, mencapai syurga kestabilan yang memerlukan penolakan terhadap sebarang bentuk keganasan jenayah, ekstremisme, keganasan dan ketenteraan yang merupakan sumpahan kepada kestabilan," katanya.

Perkara penting ketiga, kata Najib ialah perlu dicari penyelesaian kekal terhadap masalah golongan minoriti pribumi Islam seperti di Filipina, Thailand dan Myanmar.

"Masyarakat Islam ini harus faham bahawa mereka perlu hidup di bawah kerajaan semasa di negara mereka, Mereka perlu mengiktiraf tanggungjawab sebenar dalam negara masing-masing dan menyumbang untuk pengukuhan moral dan sosio-ekonomi di negara berkenaan," katanya.

Pada masa sama, katanya, satu bentuk autonomi, bukan kemerdekaan tetapi autonomi agama, kebudayaan dan pendidikan perlu diberi kepada mereka.

"Dan dengan itu kami mahu lihat bahawa demi masa depan, Malaysia akan terus memainkan peranan kami kerana sebagaimana yang anda tahu, kami telah menjadi orang tengah sehingga Perjanjian Rangka Kerja ditandatangani antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF)."

Menyifatkannya sebagai satu pencapaian besar berikutan konflik yang berlarutan selama beberapa generasi telah berakhir, beliau berkata keadaan di selatan Filipina kini adalah aman.

"Walaupun terdapat pencerobohan kecil yang tidak dijangka, tetapi ia kini sebuah kawasan yang aman dan kami yakin rangka kerja penyelesaian aman itu akan membuahkan kejayaan.

"Ia merupakan kejayaan besar untuk kedua-dua belah pihak, diusahakan oleh Malaysia tanpa sebarang campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara itu. Kita perlu beri masa untuk rundingan damai itu berjaya," katanya.

Beliau berkata amat berbaloi untuk melabur dalam keamanan, menghabiskan masa dan usaha ke arah itu dan ia merupakan cara hidup Islam yang sebenar.

"Dan dengan itu kami mahu lihat bahawa demi masa depan, Malaysia akan terus memainkan peranan kami kerana sebagaimana yang anda tahu, kami telah menjadi orang tengah sehingga Perjanjian Rangka Kerja ditandatangani di antara kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF)."

Menyifatkannya sebagai satu pencapaian besar berikutan konflik yang berlarutan selama beberapa generasi telah berakhir, Najib berkata keadaan di selatan Filipina kini adalah aman.

"Walaupun terdapat pencerobohan kecil yang tidak dijangka, tetapi ia kini sebuah kawasan yang aman dan kami yakin rangka kerja penyelesaian aman itu akan membuahkan kejayaan.

"Ia merupakan kejayaan besar untuk kedua-dua belah pihak, diusahakan oleh Malaysia tanpa sebarang campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara itu. Kita perlu beri masa untuk rundingan damai itu berjaya," katanya.

Beliau berkata amat berbaloi untuk melabur dalam keamanan, menghabiskan masa dan usaha ke arah itu dan ia merupakan cara hidup Islam yang sebenar.

Dalam temu bual dengan Radio IKIM, Najib berkata sumbangan Malaysia ke arah

menyelesaikan konflik di rantau ini diharap dapat menghindari umat Islam daripada terus menjadi korban persengketaan.

"Kita sedang bantu ke arah 'the final agreement' antara Bangsamoro dan kerajaan Filipina yang mana kesannya ialah ribuan nyawa umat Islam terselamat berbanding jika konflik ini berterusan," katanya.

Najib berkata inisiatif serupa sedang dilakukan Kuala Lumpur dalam konteks mengukuhkan kestabilan dan keamanan di selatan Thailand.

Menurutnya, keadaan aman damai tidak mudah dicapai kerana ia memerlukan masa, komitmen dan kesabaran.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata Malaysia boleh dijadikan model terbaik berhubung kebaikan dan keindahan Islam, agama yang sering dipandang rendah oleh sesetengah pihak.

"Peranan Malaysia dilihat dalam konteks bagaimana kita mentadbir negara kita yang berteraskan kepada Islam, meninggikan syiar Islam dan komitmen kita untuk membangunkan ummah.

"Ini jelas menunjukkan bahawa Islam sebagai satu agama yang boleh membawa kebaikan, bukan sahaja kebaikan kepada umat Islam tetapi juga sejagat," tambahnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953893>